

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10 JAN 2015

# Tun Abdul Rahman meninggal

**Petra Jaya:** Bekas Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Abdul Rahman Ya'kub, 87, meninggal dunia di Pusat Perubatan Pakar Normah, di sini, pada jam 9.40 malam tadi, akibat sakit tua.

Allahyarham yang memegang jawatan itu selama empat tahun bermula 2 April 1981 sehingga 2 AprU 1985, dimasukkan ke pusat perubatan berkenaan sejak akhir bulan lalu, berikutan keadaan kesihatan yang merosot.

Beliau menghembuskan nafas terakhirnya, genap lima hari selepas ulang tahun ke-87 pada 3 Januari lalu.

Berita kematiannya dimaklum-

kan Ketua Setiausaha Politik Ketua Menteri Sarawak, Abdullah Saidol, melalui rangkaian komunikasi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sarawak dan Pertubuhan Belia Kebangsaan Sarawak (SABERKAS).

Kehilangan besar Sarawak Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, yang menyifatkan jasa Allahyarham sangat besar kepada Sarawak, turut mengucapkan takziah kepada keluarganya sambil berdoa semoga roh beliau dicucuri rahmat.

Dilahirkan pada 3 Januari 1928 di Kampung Jepak, Bintulu, Al-

lahyarham juga pernah menjadi Ketua Menteri Sarawak selama 12 tahun bermula pada 7 Julai 1970.

Di peringkat Persekutuan, Allahyarham pernah berkhidmat di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dan Tun Abdul Razak.

Antara sumbangan terbesar beliau ialah langkah menukarkan bahasa pengantar untuk sekolah dan institusi pengajian tinggi daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dalam usaha memartabatkan Bahasa Kebangsaan.



Najib berbual Abdul Rahman pada majlis Perhimpunan Agung Ke-12 Parti Pesaka Bumiputera Bersatu di Pusat Konvensyen Borneo Kuching pada 2 Mac 2010. (FOTO ROSDAN WAHID/BHI)